

Media Sosial dan Impak Terhadap Psikologi Menurut Islam

Mohd Shawal Ismail
Khor Shaw Zhan
Ahmad Marzuki Mohamad

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, amarzuki@utm.my

Suggested Citation:

Ismail, Mohd Shawal; Khor, Shaw Zhan; Mohamad, Ahmad Marzuki (2019). "Media Sosial dan Impak Terhadap Psikologi Menurut Islam" in Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 101-114.

Abstract

Media sosial merupakan salah satu peranti perhubungan yang memberi sumbangan besar dalam kehidupan masyarakat kini. Media sosial dari masa ke masa semakin dicintai oleh masyarakat global. Media sosial mempunyai pelbagai kelebihan dan kemampuan berbanding dengan media lainnya. Penggunaan media sosial banyak membantu manusia dalam mengeratkan hubungan sesama mereka. Namun, segelintir pengguna media sosial menjadi terlalu obses dalam penggunaan peranti perhubungan tersebut hingga mengakibatkan ketagihan. Ketagihan media sosial mendatangkan pelbagai kesan negatif mahupun positif terhadap kehidupan masyarakat masa kini. Bukan sahaja dari sudut fizikal, malah media sosial juga turut memberi impak yang besar terhadap sudut psikologi seseorang individu. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengupas dengan lebih mendalam terhadap impak media sosial kepada psikologi seseorang individu. Sudut psikologi yang dibincangkan adalah emosi, stress, depresi, anxiety, materialisme dan insomnia. Daripada konteks yg dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa media sosial lebih memberi impak yang negatif terhadap psikologi seseorang individu berbanding positif. **Kata Kunci:** Media Sosial, Impak Psikologi Menurut Islam, Emosi, Stress, Depresi, Anxiety dan Materialisme

References

- Abadi, Totok Wahyu, Sukmawan, Fandrian, & Utari, Dian Asha. (2016). Media sosial dan pengembangan hubungan interpersonal remaja di Sidoarjo. *KANAL: Jurnal Ilmu Komunikasi*, 2(1), 95-106.
- Abdul Halim, Zainab Zakirah, Azmi, Dania Salsabila, & Marni, Nurazmallail. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Abu Bakar, Zainudin. (2014). *Psikologi Pendidikan Pedoman untuk Guru dan Ibubapa*. Singapore: Partridge.
- Ahmad, Muhammad Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid Eds.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Adawi, Mustafa. (2007). *Mencapai Kebahagiaan dengan Ilmu dan Amal: Asas-asas dalam Berdakwah*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Al-Bukhari, Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Darimi, 'Abdullah. (2000). *Sunan al-Darimi* (Hussain Salim Asad Al-Darani Ed. Vol. 1-4). Al-Mamlakat al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar al-Mugni li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Al-Ghazali, Muhammad. (2005). *Ihya' 'Ulum al-Din*. (Tahqiq: Al-'Iraqi, Zayn al-Din). Beirut: Dar Ibn Hazm li Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Al-Ghazali, Muhammad. (t.th.). *Ihya' 'Ulum al-Din* (al-Hafiz al-'Iraqi Ed.). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Qasimi, Muhammad. (1995). *Maw'izat al-Mu'minin min Ihya' 'Ulum al-Din* (Ma'mun bin Mahy Al-Din Al-Jinan Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sayyid, Majdi. (1997). *Membahagiakan Sesama Muslim*. (Sila Letak): Gema Insani Press.
- Anwar, Fahmi. (2017). Perubahan dan permasalahan media sosial. *Jurnal Muara Ilmu Sosial, Humaniora, dan Seni*, 1(1).

- Awang Nor, Rahman. (2003). *Membongkar Rahsia Iblis dan Syaitan Menggoda Umat Nabi Muhammad SAW*. bandar baru seri gombak: penerbitan darul iman.
- Ayub, Muhammad Syazwan, Rozali, Amirul Azha, & Marni, Nurazmallail. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Kecanduan Penggunaan Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Ayun, Primada Qurrota. (2015). Fenomena remaja menggunakan media sosial dalam membentuk identitas. *Jurnal Channel*, 3(2), 1-16.
- Azizan, Muhamad Ariffudin, Kariya, Muhammad Azizi, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Penyebaran Budaya Transeksual Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Azman, Munirah. (2018). Kesan negatif budaya ikut trend media sosial. Retrieved from <https://www.kosmo.com.my/k2/rencana-utama/kesan-negatif-budaya-ikut-trend-media-sosial-1.714782>
- Buang, Amriah. (2005). Globalisasi Ekonomi dan Impaknya kepada Ruang Budaya Bandar Malaysia. *GEO-GRAFIA Online*, 1(1), 46-55.
- Christian Maier, Sven Laumer, Andreas Eckhardt, Tim Weitzel (2012). When Social Networking Turns to Social. *ECIS*.
- DiGiuseppe, Raymond, & Taffate, Raymond Chip. (2007). *Understanding anger disorders*: Oxford University Press.
- Farhah, Noor. (2015). Nafsu Amarah dalam Seindah Mawar Berduri.
- Faridah, C.H., & Sarina Aini, K. (2006). Pendekatan Psikologi dalam Pendidikan Akhlak Muslim Sebagai Pemangkin Pembangunan Insan dan Tamadun. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 290-306.
- Fitri, Sulidar. (2017). Dampak positif dan negatif sosial media terhadap perubahan sosial anak. *Naturalistic: Jurnal Kajian Penelitian Pendidikan dan Pembelajaran*, 1(2), 118-123.
- Frank Wilkins, Luqman Hakeem, Batumalai, Pragathesh, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Dampak Positif Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Haronzah, Muhammad Fairman, Mani, Inthiran, & Wan Embong, Wan Hassan. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Facebook Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Hasbollah, Nur Syahirah, Md Rashid, Marjan, & Ihwani, Siti Suhaila. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Pelajar Universiti Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Huijie Lin, Jia Jia, Liqiang Nie, Guangyao Shen, Tat-Seng Chua. (2016). What Does Social Media Say about Your Stress? *Proceedings of the Twenty-Fifth International Joint Conference on Artificial Intelligence*, 3775-3781.
- Huijie Lin, Jia Jia, Quan Guo, Yuanyuan Xue, Qi Li, Jie Huang, Lianhong Cai, Ling Feng. (2014). User-Level Psychological Stress Detection from Social Media Using Deep Neural Network. *Proceedings of the 2014 ACM Conference on Multimedia*.
- Izzudin, Nik Muhammad, Kumaran, Pulavendran Vijaya, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Impak kepada Perkembangan Bahasa Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Jamaluddin, Al-Syeikh Muhammad. (2009). *Mutiara Ihya' Ulumuddin* (Vol. 7). Ipoh: Buku Buku.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2007). *Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018). *Perseteruan Iblis Terhadap Manusia: Al-Baqarah (2: 34-39)*. Paper presented at the Siri 10: Program Budaya al-Quran, 25hb. September 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Mohd Rashid, Nur Amirah. (2008). Kesan Negatif Globalisasi terhadap Wanita Islam dan Penyelesaiannya. In Arieff Salleh (Ed.), *Isu Wanita Dalam Perundangan Islam*. Johor Bahru, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Muhammad, Azhar, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2004). *Asas Kebahagiaan Rumahtangga Mengikut Paradigma al-Nawawi*. Paper presented at the Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004, Main Hall, University of Malaya Centre for Family Development (UMCFD) Faculty of Education, Universiti Malaya. http://eprints.utm.my/20790/1/JasmiKA2004_AsasKebahagiaanRumahtanggaMengikutParadigmaal-Nawawi.pdf

- Jensani, Muhammad Khairul Nizam, Eswaran, Kumanan, & Mohd Noor, Sulaiman Shakib. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Pembentukan Budaya Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Johari, Muhammad Hazwan, Baharuddin, Amirul Syafiq, & Ihwani, Siti Suhaila (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Kelestarian Penggunaan Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Kamal, Sara, Chu, Shu-Chuan, & Pedram, Mahmood. (2013). Materialism, Attitudes, and Social Media Usage and Their Impact on Purchase Intention of Luxury Fashion Goods Among American and Arab Young Generations. *Journal of Interactive Advertising*, 13(1), 27-40. doi:10.1080/15252019.2013.768052
- Kamarudin, Muhamad Aiman, Mustafa Kamal, Muhamad Syakir, & Safar, Jimain (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Dakwah Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Kamus Dewan*. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar*. (Ed.) (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keltner, Dacher, Ellsworth, Phoebe C, & Edwards, Kari. (1993). Beyond simple pessimism: effects of sadness and anger on social perception. *Journal of personality and social psychology*, 64(5), 740.
- Langgulong, Hasan. (1985). *Pendidikan dan Peradaban Islam: Suatu Analisa Sosio-Psikologi* (Vol. 3). Jakarta: . Pustaka al-Husna.
- Long, Atan. (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Azmi, Mohamad Rafiuddin, Kamalanathan, Sasikumar, & Safar, Jimain. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Generasi Muda Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Mohd Rashid, Nur Amirah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2006). *Pengaruh Globalisasi Terhadap Gaya Hidup Pelajar di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia,
- Moktar, Noor Athirah, Abdul Halim, Areen Sherryana, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Kaedah Pengajaran Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Muhammad Azrin, Muhammad Fiqri, Moorthy, Vishnukumar Krishna, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Perhubungan Sesama Manusia Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Muna, Resti Fauzul, & Astuti, Tri Puji. (2014). Hubungan antara kontrol diri dengan kecenderungan kecanduan media sosial pada remaja akhir. *Empati*, 3(4), 481-491.
- Munmun De Choudhury, Scott Counts, Eric Horvitz. (2013). Social Media as a Measurement Tool of Depression in Populations. *Proceeding WebSci '13 Proceedings of the 5th Annual ACM Web Science Conference*, Pages 47-56
- Muslim, al-Hajjaj. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Mustafah, Che Su, & Megat Ibrahim, Nan Zakiah. (2014). Persepsi dan Penggunaan Media Sosial dari Perspektif Ibu Bapa: Satu Analisis Kualitatif. *Jurnal Komunikasi (Malaysian Journal of Communication)*, 20(Special Issue), 43-74.
- Nabi, R. L., Prestin, A., & So, J. (2013). Facebook friends with (health) benefits? Exploring social network site use and perceptions of social support, stress, and well-being. *Cyberpsychol Behav Soc Netw*, 16(10), 721-727. doi:10.1089/cyber.2012.0521
- Nazir, Muhammad Izzuddin, Che Noh, Muhammad Irfan Zikri, & Basiron, Bushrah. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Wanita Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Nor Jefri, Nurul Izzaty, Shaharin, Nuraisyah Syakirin, & Jasmi, Kamarul Azmi (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Pembentukan Masyarakat Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Norazman, Hasan, Kumar, Krishanth, & Basiron, Bushrah. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Perpustakaan Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.

- Nordin, Nur Hidayu, Mohammad, Nur Syuhada, & Mohamad, Ahmad Marzuki. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Instagram Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Primack, Brian A., Shensa, Ariel, Escobar-Viera, César G., Barrett, Erica L., Sidani, Jaime E., Colditz, Jason B., & James, A. Everette. (2017). Use of multiple social media platforms and symptoms of depression and anxiety: A nationally-representative study among U.S. young adults. *Computers in human behavior*, 69, 1-9. doi:10.1016/j.chb.2016.11.013
- Putri, Wilga Secsio Ratsja, Nurwati, Nunung, & Budiarti, Meilanny (2016). Pengaruh media sosial terhadap perilaku remaja. *Prosiding Penelitian dan Pengabdian kepada Masyarakat*, 3(1).
- Rahmadini, Yulia, & Halim, Rizal Edy. (2018). *The Influence of Social Media Towards Emotions, Brand Relationship Quality, and Word of Mouth (WOM) on Concert's Attendees in Indonesia*. Paper presented at the MATEC Web of Conferences.
- Razali, Nurul Afiza, Hera, Noor, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Impak Negatif Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Rosli, Tasnim, Muniandy, Yogenathan, & Jasmi, Kamarul Azmi (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Impak Tingkah Laku Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Sidek, Baba. (2003). *Globalisasi dan cabaran pendidikan. Suzalie Mohamad (pnyt.). Memahami Isu-Isu Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Suhid, Asmawati. (2005). Pemantapan Komponen Akhlak dalam Pendidikan Islam bagi Menangani Era Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 6(S), 95-104.
- Watie, Errika Dwi Setya. (2016). Komunikasi dan media sosial (communications and social media). *Jurnal The Messenger*, 3(2), 69-74.
- Yaacob, Hashim, & Othman, Abdul Jalil. (2007). Dunia Pendidikan dalam Era Globalisasi: Peranan dan Cabaran. *Masalah Pendidikan*, 30(1), 143-149.

7

MEDIA SOSIAL DAN IMPAK TERHADAP PSIKOLOGI MENURUT ISLAM

Mohd Shawal Ismail
Khor Shaw Zhan
Ahmad Marzuki Mohamad

Abstrak

Media sosial merupakan salah satu peranti perhubungan yang memberi sumbangan besar dalam kehidupan masyarakat kini. Media sosial dari masa ke masa semakin dicintai oleh masyarakat global. Media sosial mempunyai pelbagai kelebihan dan kemampuan berbanding dengan media lainnya. Penggunaan media sosial banyak membantu manusia dalam mengeratkan hubungan sesama mereka. Namun, segelintir pengguna media sosial menjadi terlalu obses dalam penggunaan peranti perhubungan tersebut hingga mengakibatkan ketagihan. Ketagihan media sosial mendatangkan pelbagai kesan negatif mahupun positif terhadap kehidupan masyarakat masa kini. Bukan sahaja dari sudut fizikal, malah media sosial juga turut memberi impak yang besar terhadap sudut psikologi seseorang individu. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengupas dengan lebih mendalam terhadap impak media sosial kepada psikologi seseorang individu. Sudut psikologi yang dibincangkan adalah emosi, stress, depresi, anxiety, materialisme dan insomnia. Daripada konteks yg dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa media sosial lebih memberi impak yang negatif terhadap psikologi sesorang individu berbanding positif.

Kata Kunci: *Media Sosial, Impak Psikologi Menurut Islam, Emosi, Stress, Depresi, Anxiety dan Materialisme*

PENGENALAN

Media sosial merupakan sebuah peranti canggih yang mampu menghubungkan manusia walau di mana jua mereka berada. Media sosial ini merupakan sebahagian daripada agenda globalisasi melalui perkembangan internet (Buang, 2005; Jasmi & Mohd Rashid, 2008; Mohd Rashid & Jasmi, 2006; Sidek, 2003; Suhid, 2005; Yaacob & Othman, 2007). Namun kehadiran media sosial membawa banyak persoalan dan permasalahan terhadap impaknya kepada umat manusia (Abadi *et al.*, 2016; Abdul Halim *et al.*, 2019; Anwar, 2017; Ayun, 2015; Azman, 2018; Fitri, 2017; Muna & Astuti, 2014; Mustafah & Megat Ibrahim, 2014; Putri *et al.*, 2016; Watie, 2016). Ada sesetengah pihak mengatakan media sosial banyak memberi impak positif namun ada yang berpandangan sebaliknya. Terdapat banyak impak media sosial terhadap manusia yang dapat dibincangkan, tetapi kertas kerja ini hanya mengkhususkan perbincangan terhadap impak media terhadap psikologi manusia menurut Islam. Impak psikologi dihuraikan dengan lebih lanjut kepada emosi, stress, anxiety dan materialisme. Impak ini pula dikaitkan dengan tingkah laku manusia sama ada ke arah keburukkan atau kebaikan berasaskan persepsi Islam.

MEDIA SOSIAL

Pada zaman yang serba moden ini, media sosial merupakan salah satu platform penting bagi umat manusia untuk berkomunikasi dengan lebih mudah, iaitu melalui aplikasi sosial seperti facebook, twitter, Instagram dan banyak lagi. Perlu difahami terlebih dahulu maksud media sosial kerana maksudnya sering bercanggah. Menurut Hudson, sosial media

merupakan satu saluran komunikasi digital yang memberi platform kepada penggunanya untuk interaksi, komunikasi dan berkongsi maklumat dengan pantas. Tetapi, ada juga yang mengatakan definisi media sosial masih tidak dapat ditetapkan dan akan terus diubahsuai (Abdul Halim *et al.*, 2019; Ayub *et al.*, 2019; Azizan *et al.*, 2019; Frank Wilkins *et al.*, 2019; Haronzah *et al.*, 2019; Hasbollah *et al.*, 2019; Izzudin *et al.*, 2019; Jensani *et al.*, 2019; Johari *et al.*, 2019; Kamarudin *et al.*, 2019; Mohd Azmi *et al.*, 2019; Moktar *et al.*, 2019; Muhammad Azrin *et al.*, 2019; Nazir *et al.*, 2019; Nor Jefri *et al.*, 2019; Norazman *et al.*, 2019; Nordin *et al.*, 2019; Razali *et al.*, 2019; Rosli *et al.*, 2019).

Dapat dilihat kebelakangan ini media sosial semakin mendapat tempat bagi masyarakat serta para pengguna untuk berkongsi cerita, maklumat dan pengetahuan. Media sosial juga berjaya mempengaruhi penggunanya atas maklumat yang disampaikan seperti isu semasa, kelakuan dan tingkah laku manusia. Ada juga informasi yang salah tetapi disebarkan dan dipercayai ramai. Pengaruh media sosial ini seharusnya tidak dipandang remeh dan diketepikan sebegitu sahaja, kebolehan media sosial perlu dilihat bukan sahaja dari sudut positif, tetapi sudut negatif harus diberi perhatian. Hal ini kerana, jika tiada sekatan yang khusus untuk media sosial, pelbagai info serta maklumat termasuklah hasutan, fitnah dan sebaran maklumat palsu dapat dibuat. Antara salah satu sudut yang terkesan daripada media sosial adalah psikologi seseorang individu.

PSIKOLOGI

Psikologi memainkan peranan yang penting dalam diri seseorang individu. Psikologi dapat di definisikan sebagai ilmu yang berkaitan dengan proses mental, sama ada normal ataupun abnormal dan kesannya terhadap tingkah laku seorang individu (Abu Bakar, 2014; Faridah & Sarina Aini, 2006; Langgulung, 1985; Long, 1988).

Psikologi Menurut Bahasa dan Ahli Psikologi

Psikologi menurut Bahasa pula adalah ‘*psyche*’ dan ‘*logos*’ yang bermaksud jiwa dan pengetahuan yang mana dapat disimpulkan sebagai mempelajari tentang kejiwaan. Para ahli psikologi juga turut memberikan definisi tersendiri, iaitu psikologi adalah ilmu yang mempelajari pengalaman yang timbul pada diri manusia, terhadap panca indera, pemikiran, perasaan dan kehendak (Kamus Dewan, 2005; Kamus Pelajar, 2008).

Psikologi Menurut Islam

Namun begitu, psikologi menurut Islam pula memberikan makna yang sedikit berbeza. Jika psikologi menurut barat adalah berkaitan dengan jiwa dan tingkah laku, pada pandangan Islam pula psikologi merangkumi tingkah laku, jiwa dan roh atau kerap kali disebut sebagai jasmani dan rohani (Al-Qasimi, 1995; Jamaluddin, 2009; Al-Ghazali, 2005, t.th.). Roh merupakan sebahagian daripada diri manusia yang dijelaskan dalam firman Allah SWT:

ثُمَّ سَوَّاهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِنْ رُوحِهِ ۗ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ ۗ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٩﴾

Maksud: Kemudian Dia menyempurnakan dan meniupkan ke dalamnya roh (ciptaan)-Nya dan Dia menjadikan bagi kamu pendengaran, penglihatan dan hati; (tetapi) kamu sedikit sekali bersyukur.

(Surah al-Sajadah, 32: 9)

Psikologi Islam merupakan kajian sains yang baru dikembangkan diawal tahun 60an dan tidak diketahui umum, sekiranya diujah dengan psikologi barat yang usianya berabad-abad. Psikologi Islam muncul sebagai antitesis terhadap pelbagai mazhab psikologi moden.

Meskipun Psikologi barat menganggap ego sebagai subjek penting dan objek yang menjadi asas, psikologi Islam pula berasaskan pada spiritualisme, namun begitu kedua-dua tanggapan ini mempunyai aspek yang sama manusia sebagai ujikaji. Dalam psikologi barat, ianya bertujuan menghuraikan, menjangka dan mengendalikan kelakuan manusia dan banyak berbincang pada perilaku yang kentara. Sementara psikologi Islam pula fokus kepada perubahan sikap ke arah kebaikan dan bagaimana untuk lebih mendekati diri kepada Tuhan serta meluaskan keupayaan diri yang dimiliki. Maka dari itu psikologi barat mendapat banyak kritikan dari para ahli psikologi muslim. Psikologi Islam menyuntik diri dengan nilai-nilai murni supaya dapat menyedarkan diri yang lara dan mengambil kesempatan untuk membentuk hidup yang lebih berkualiti di samping mendapat kebahagiaan yang secukupnya bukan sahaja di dunia malah di akhirat kelak.

IMPAK MEDIA SOSIAL TERHADAP KESIHATAN MENTAL DAN TINGKAH LAKU

Dalam konteks psikologi, isu yang diketengahkan adalah impak media sosial terhadap kesihatan mental dan tingkah laku yang mungkin hadir kesan daripada kesihatan mental tersebut. Kesihatan mental adalah kebolehan seseorang individu untuk berdaya tindak terhadap stress kehidupan, boleh menjalani hari harinya dengan produktif dan dapat menyumbang kepada masyarakat. Antara impak terhadap kesihatan mental adalah gangguan emosi, stress, deprasi dan lain lain.

Media sosial sudah menjadi elemen wajib dalam kehidupan masyarakat hari ini. Lebih dari itu, ia juga sudah menjadi medium utama bagi berkongsi emosi dalam kehidupan seharian. Jika dulu tembok-tembok tepi parit kampung atau kedai kopi di jalan-jalan besar pekan menjadi tempat pelbagai lapisan masyarakat berkongsi cerita, luahan dan emosi, hari ini media sosial menjadi gantinya. Ini terbukti dengan kajian oleh agensi luar negara seperti Hootsuite dan We Are Social yang menunjukkan 79 peratus daripada penduduk Malaysia merupakan pengguna internet. Daripada jumlah berkenaan pula 75 peratus menggunakan perkhidmatan media sosial dan memperuntukkan purata tiga jam sehari di laman media sosial. Penggunaan yang signifikan ini secara langsung menjadikan pelbagai bentuk emosi dikongsi dalam media sosial saban hari.

Emosi dalam diri seorang individu bersifat positif dan negatif. Emosi adalah penilaian seorang individu terhadap rangsangan. Hasil daripada penilaian ini akan menimbulkan emosi terhadap apa yang dinilai. Emosi ini boleh merangkumi emosi positif seperti gembira dan berasa puas atau emosi negative seperti marah, benci, risau dan takut. Perilaku manusia, sebahagian besarnya disumbang oleh emosi. Kebiasaannya, individu akan merasa emosi dan intuitif dalam tingkah laku mereka dimana ianya hadir di luar jangkauan manusia (Rahmadini & Halim).

Ianya berlaku sama ada melalui perkongsian di laman Facebook, cerita di Instastory, "tweet" di Twitter dan pelbagai lagi ruang yang disediakan oleh penyedia media sosial hari ini. Tanpa kita sedari, perjalanan hidup kita hari ini dipengaruhi oleh emosi yang terbit dari media sosial. Emosi kita juga ada kalanya dipengaruhi oleh emosi yang dikongsi oleh orang lain melalui media sosial. Ini terbukti melalui kajian yang dilakukan di Amerika melibatkan 600 ribu pengguna Facebook mendapati emosi positif dan negatif boleh disebarkan secara tidak langsung kepada pengguna melalui jenis-jenis hantaran yang terdapat di media sosial. Fenomena yang dipanggil '*emotional contagion*' ini membuktikan kepada kita betapa besarnya kesan media sosial dalam mempengaruhi emosi dan psikologi manusia.

Emosi Marah

Kemarahan adalah salah satu bentuk emosi yang secara fiziknya akan mengakibatkan meningkatkan kadar denyutan jantung, tekanan darah, serta meningkatkan adrenalin dan noradrenalin. Kemarahan hadir apabila seorang individu bertindak balas terhadap ancaman (DiGiuseppe & Tafrate).

Sesetengah individu mempunyai kecenderungan untuk bertindak balas terhadap kemarahan melalui pembalasan. Ekspresi tubuh dapat memaparkan kemarahan seorang individu seperti bentuk raut muka, Bahasa tubuh dan nada suara. Ahli psikologi memandang kemarahan sebagai suatu emosi primer dan matang yang dialami oleh setiap manusia dan memiliki fungsinya tersendiri untuk kelangsungan hidup.

Penggunaan media sosial kadang kala dapat menimbulkan rasa marah. Sepertimana yang dapat dilihat pada hari ini, segelintir masyarakat memuat naik pelbagai status yang berbau provokasi dan penghinaan terhadap agama dan kaum sesuatu bangsa di media sosial. Perkara ini dilakukan tanpa rasa bersalah dan segan silu mahupun tidak berfikir panjang. Sebahagian daripadanya dilakukan atas dasar tidak puas hati atau sememangnya ingin menghina dan sebahagian melakukannya atas sikap bebal, jahil dan salah faham terhadap agama serta budaya yang lain.

Contoh terdekat dapat dilihat terhadap hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia. Sejak kebelakangan ini sering terjadi pergaduhan di media sosial antara rakyat Malaysia dan Indonesia. Kedua pihak saling mencaci hamun sesama sendiri walhal keduanya adalah bersaudara mahupun sesama Islam dan memiliki genetik yang hampir sama. Bangsa Indonesia seringkali memuat naik status yang menyatakan bahawa apa yang negara Malaysia miliki adalah datangnya daripada Indonesia seperti pahlawan melayu Hang Tuah. Hal ini banyak menimbulkan kemarahan terhadap rakyat Malaysia dan mebalas semula status tersebut dengan mengeluarkan perkataan yang berunsur penghinaan terhadap kaum.

Keadaan ini sangat membimbangkan kerana permasalahan ini tidak sahaja berakhir di media sosial malah dibawa ke dunia realiti seperti perlawanan bola sepak dimana baru-baru ini perlawan bola sepak antara Indonesia dan Malaysia dikotori dengan perbuatan yang tidak bertanggungjawab yang membaling botol dan bekan makanan terhadap penyokong pihak lawan. Lebih teruk lagi apabila segelintir daripada mereka membaling alatan yang keras yang dapat mengakibatkan kecederaan.

Hal ini sedikit sebanyak menjejaskan reputasi kedua negara dan sebaliknya mendatangkan impak yang lebih buruk terhadap pandangan masyarakat. Justeru, pengguna media sosial secara amnya merasa marah akibat wujudnya suara negatif. Kemarahan kadang kala membuat seorang individu hilang kawalan dan tidak dapat berfikir dengan sebaik mungkin. Perkara ini dapat mendatangkan keburukkan sekiranya ia pengguna media sosial dia cekap dalam mengawal kemarahan. Sepertimana yang disebut diatas, segelintir individu bertindak atas kemarahan dengan cara pembalasan. Pengguna media sosial yang sedang marah berkemungkinan besar akan menyalurkan kemarahan tersebut terhadap orang disekelilingnya.

Dari perspektif Islam, marah adalah sesuatu yang perlu dikawal sebaik mungkin. Kemarahan yang tidak terkawal menurut Islam disebabkan pengaruh syaitan yang bersifat api, iaitu panas. Oleh kerana itu, mereka yang marah digalakkan untuk mengambil wuduk jika sedang marah (Jasmi, 2007). Menurut Imam Al-Ghazali (t.th.), sikap marah ialah nyalaan api bersumber daripada api Allah SWT yang menyala dan menjulang tinggi sampai naik ke hati (Farhah, 2015). Maka terpulung kepada seseorang untuk cepat marah, marah keterlaluan, iaitu marah tidak bertempat, marah pertengahan, iaitu mampu mengawal marahnya atau tidak tahu marah. Marah yang sederhana adalah marah terpuji, manakala tidak tahu marah adalah terkeji dan marah keterlaluan adalah termasuk dalam marah terkeji yang dilarang oleh Rasulullah SAW.

Marah keterlaluan dilarang Islam kerana mendatangkan kesan dan implikasi tidak baik kepada orang yang marah, juga orang kena marah. Disebabkan marah, ada rumah

tangga yang porak-peranda dan runtuh, kerana marah anak didera, pembunuhan berlaku, anak lari dari rumah, majikan ditetak pembantu rumah dan kerana marah orang saman-menyan. Demikian sebagai pengguna media sosial yang bijak, unsur kemarahan haruslah dapat dikawal dengan bijak dan efisien. Dalam riwayat Abu Hurairah misalnya, Nabi SAW mengatakan (Al-Bukhari, 2001: 6114; Muslim, t.th.: 2609):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرْعَةِ إِنَّمَا الشَّدِيدُ
الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْغَضَبِ.»

Maksud: *Abū Hurayrah RA menceritakan bahwa Rasulullah SAW bersabda, “Bukanlah yang kuat itu yang dapat mengalahkan orang lain, tetapi yang kuat itu adalah yang dapat menguasai dirinya saat marah.”*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Justeru, apa yang dapat kita simpulkan daripada hadis ini ialah orang yang marah, tetapi dalam keadaan marahnya dapat menguasai kemarahan agar tidak keterlampaun adalah orang yang kuat jika dibandingkan dengan orang yang marah dan ingin mengalahkan orang yang dimarahinya.

Kesimpulannya, emosi marah itu adalah lumrah dalam setiap jiwa manusia. Perbezaannya hanyalah cara seseorang individu itu mengawalinya. Marah seorang individu itu haruslah bertempat dan tahu di mana batas kemarahannya. Media sosial banyak memaparkan kata kata yang berunsur penghinaan, tetapi jangan lah kita membalasnya dengan api kemarahan, malah siramilah ia dengan kesabaran dengan mengungkap kata kata yang murni.

Emosi Bahagia

Kebahagiaan ialah suatu keadaan perasaan aman damai serta gembira (Al-Adawi, 2007; Al-Sayyid, 1997; Jasmi *et al.*, 2004). Dengan kata yang lain, kebahagiaan melebihi hanya perasaan kegembiraan. Umumnya, kegembiraan amat berkait dengan sesuatu kejadian atau pencapaian yang khusus, sedangkan kebahagiaan berkait dengan keadaan yang lebih umum seperti kesenangan hidup atau kehidupan berumah tangga. Bagaimanapun, kedua-dua perasaan ini adalah amat berkait dan juga amat subjektif.

Di samping itu, kebahagiaan seseorang tidak dapat diukur atau digambarkan, dan berubah-ubah mengikut peredaran masa dan tempat. Orang yang kelihatan bahagia tidak semestinya bahagia, dan orang yang kelihatan tidak bahagia tidak semestinya tidak bahagia. Lazimnya, seseorang akan berasa gembira jika apa yang dihajati dan diinginkannya dapat diperoleh dan dinikmati.

Seterusnya, kebahagiaan juga dapat dicapai melalui media sosial. Media sosial pada waktu kini mempunyai pelbagai penambahbaikan. Jika dulu media sosial hanya mempunyai mesej, tetapi sekarang diubah suai dengan pelbagai ciri seperti instastory, panggilan video, panggilan suara dan perkongsian gambar atau video. Ciri ini sedikit sebanyak mendatangkan kegembiraan kepada pengananya.

Pengguna media sosial khususnya remaja pada masa kini sangat tegar memuat naik gambar peribadi masing-masing ke dalam media sosial terutamanya instagram dan facebook. Lebih kerap lagi apabila seorang individu itu sedang melakukan perkerjaannya ataupun keluar berjalan bersama rakan-rakan. Mereka akan berasa gembira apabila dapat dapat memberi tahu apa yang mereka lakukan terutamanya apabila mendapat banyak “view” dan “like”. Tidak cukup dengan itu, Instastory sekarang ditambah pula dengan pelbagai “filters” dimana ia dapat mencantikkan gambar seseorang walaupun realitinya individu

tersebut tidak cantik. Individu ini akan berasa gembira apabila melihatnya gambarnya yang cantik, lantas memuat naik gambarnya.

Selain itu, aplikasi twitter pula menjadi tempat remaja zaman sekarang untuk meluahkan perasaan mereka melalui “tweets”. Remaja yang putus cinta khususnya menghilangkan kesedihan mereka dengan meluahkan perasaan mereka dalam tweet dan ini memberi sedikit kelegaan kepada individu tersebut, lebih lagi apabila luah mereka didengari dan disebarkan melalui komen dan “retweet”. Komen-komen yang dilontarkan kebiasaanya dari segi semangat dan nasihat akan membuatkan individu tersebut lebih gembira.

Tambahan pula, aplikasi instagram sekarang mempunyai IGTV, iaitu saluran untuk menonton pelbagai jenis video berdurasi panjang yang dikongsi oleh pengguna instagram. Video yang dikongsi disusun dalam kategori masing-masing seperti jenaka, binatang, keindahan alam, masakan dan lain-lain. Video seperti jenaka dan memasak pasti akan membuat seseorang individu itu ketawa dan teruja lantas membuatnya gembira.

Perasan bahagia adalah bagus untuk diri manusia, akan tetapi cara meperoleh kebahagiaan tersebut haruslah betul. Janganlah diri ini lalai dalam mengejar kebahagiaan, kadang kala kita ingin menghiburkan diri dengan menggunakan aplikasi media sosial sehingga kita terleka dengan hiburan dunia dan lantas meninggalkan solat ataupun melambatkan solat. Melambatkan solat adalah perkara yang mustahak sepertimana yang diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad, At-Thabarani dan Ibnu Hibban dalam Shahihnya bahawa Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam bercakap dalam perkara solat pada suatu hari maka Baginda bersabda (Al-Darimi, 2000; Ahmad, 2001: 6576):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وآله أَنَّهُ: ذَكَرَ الصَّلَاةَ يَوْمًا فَقَالَ: "مَنْ حَافِظَ عَلَيْهَا؟ كَانَتْ لَهُ نُورًا، وَبُرْهَانًا، وَنَجَاةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ لَمْ يُحَافِظْ عَلَيْهَا لَمْ يَكُنْ لَهُ نُورٌ، وَلَا بُرْهَانٌ، وَلَا نَجَاةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ قَارُونَ، وَفِرْعَوْنَ، وَهَامَانَ، وَأَبِي بَنِي خَلِيفٍ."

Maksud: ‘Abdullah bin ‘Amr menceritakan bahawa Nabi SAW menyebut tenta solat pada satu hari, lalu baginda bersabda, “Barangsiapa memelihara solat dengan tiada melewatkan dari waktunya dan sebagainya, maka melihat itu menjadi cahaya baginya, menjadi berjaya dan hujah baginya dan menjadi sebab selamat dan sejahtera ia pada Hari Kiamat, dan barangsiapa tiada memelihara solat, maka tiadalah baginya cahaya dan hujah dan selamat pada Hari Kiamat, dan dia ditempatkan bersama-sama hartawan Qarun, raja Firaun, menteri Haman dan peniaga Ubaiy bin Khalaf bangsa Quraisy, yakni mereka ahli Neraka dan kepala ahli neraka”.

(Al-Darimi dan Ahmad)

Justeru, manusia tidak seharusnya leka dengan permainan dunia seperti media sosial sehingga mengabaikan solat dan ibadah lain yang bakal menjadi penyelamat diri terhadap peritnya seksaan api neraka pada hari khiamat kelak. Kesimpulannya, mampu memberikan kebahagiaan kepada penggunanya akan tetapi kebahagiaan dunia dapat melalaikan manusia daripada melakukan ibadah kepada Allah. Demikian itu, manusia haruslah bijak mengatur masa agar dapat menunaikan ibadah disamping mencari kebahagiaan dunia.

Emosi Sedih

Sedih adalah perasaan dalaman yang dikaitkan dengan perasaan kehilangan, kekurangan, putus asa, tidak mampu melakukan apa-apa, marah dan pilu. Perasaan sebegini biasanya dianggap negatif. Apabila seseorang sedih, dia menjadi kurang bercakap, kurang bertenaga,

dan beremosi. Antara petunjuk bagi kesedihan adalah menangis dan bermasam muka. (Keltner *et al.*).

Dalam arus pembangunan teknologi yang kian pesat, tanpa sedar ataupun tidak, media sosial mampu menghadirkan perasaan sedih terhadap individu khususnya golongan remaja. Hal ini kerana, pengguna media sosial terkadang tidak cekap dalam menyampaikan kata-kata sehingga dapat disalah erti. Seorang manusia tidak lari daripada membuat kesilapan, terkadang mereka tidak sedar akan kesilapan tersebut. Tidak terlepas juga pengguna media sosial yang terkadang melakukan kesilapan seperti terlepas cakap sesuatu perkara yang mungkin menimbulkan salah faham. Tetapi masyarakat pada masa kini amat lincah menghentam dan menjatuhkan orang lain. Ruangan komen dipenuhi dengan cacian dan perkataan yang mampu meruntuhkan semangat. Perkara sebegini akan mendatangkan rasa sedih dalam diri individu yang melakukan kesilapan.

Selain itu, individu yang memuat naik gambar mereka tidak seberapa, berkemungkinan diejek dan di ketawakan oleh rakan rakan walaupun hanya niat untuk bergurau akan menggores perasaan individu tersebut tanpa disedari. Demikian, ia akan membuat individu tersebut sedih akan dirinya. Individu yang sedih akan hilang selera makan, jika ianya berterusan akan mendatangkan masalah kesihatan terhadap individu tersebut. Maka itu, pengguna media sosial haruslah bijak dalam mengawal emosi, memaafkan seseorang adalah lebih baik daripada berkata buruk terhadap mereka. Dan ingatlah bawahasanya Allah SWT sentiasa ada bersama kita, islam lebih menganjurkan umatnya supaya tidak bersedih kepada perkara-perkara yang melalaikan dan bersedih sehingga melemahkan diri serta sehingga melahirkan kata-kata mengkufurkan Allah SWT. Dalam al-Quran ada menjelaskan mengenai emosi sedih. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT berikut:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتَوُا الزَّكَاةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ
عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٧﴾

Maksud: *Sesungguhnya orang yang beriman, mengerjakan amal saleh, mendirikan shalat dan menunaikan zakat, mereka mendapat pahala di sisi Tuhannya. tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati.*

(Surah *al-Baqarah*, 2:277)

Janganlah kita bersedih terhadap mereka yang ingin melihat orang disekelilingnya jatuh, walhal Allah SWT sentiasa bersama kita. Jika berasa sedih, maka kembali lah kepadaNya, pastikan solat kamu cukup lima waktu dan berbuatlah kebaikan dengan memaafkan. Sesungguhnya, penerimaan kita di sisi Allah SWT itu lebih besar dan tiada bandingannya dengan penerimaan kita di sisi manusia. Maka janganlah berasa sedih terhadap pandangan manusia.

Emosi Stres, Depresi dan Anxiety

Dalam segi psikologi, stres adalah tindak balas badan kita kepada apa jua jenis kekecewaan, permintaan atau ancaman. Dalam era yang modern ini, ia mengisi kehidupan kita. Kebalakang ini, perkembangan masyarakat moden yang pantas mewujudkan pelbagai emosi stress terhadap masyarakat (Huijie Lin, J. J., Quan Guo, Yuanyuan Xue, Qi Li, Jie Huang, Lianhong Cai, Ling Feng, 2014). Dengan kebangkitan sosial media seperti Facebook dan Twitter, orang ramai lebih bersuka berkongsi stres kehidupan mereka melalui sosial media. Hal ini kerana di atas platform ini, mereka mempunyai lebih ramai kawan dan

netizen. Mereka lebih suka meluahkan perasaan mereka dalam sosial media seperti kebahagiaan dan ketidakpuasan kerana melalui sosial media, mereka dapat pembalasan yang lebih cepat, dapat melepaskan tekanan dan boleh mengeratkan silaturahim antara satu sama lain (Huijie Lin, J. J., Liqiang Nie, Guangyao Shen, Tat-Seng Chua, 2016).

Pada masa sekarang, sosial media menjadi sebahagian kehidupan kita. Kita menggunakan sosial media bukan sahaja untuk hiburan, tetapi juga untuk berkomunikasi dan juga bekerja. Sebagai contoh, dengah sosial media, perkerja akan mendapat info lebih lanjut dan perlu membalasnya. Hal ini mengaburkan sempadan antara masa pejabat dan masa peribadi, mengakibatkan tambahan stress dalam golongan perkerja (Christian Maier, 2012). Tetapi, ada juga yang kata bahawa sosial media akan mengurangkan stres atau tekanan (Nabi *et al.*, 2013). Menurut Nabi, bilangan kawan Facebook boleh dikaitkan dengan persepsi sokongan sosial yang lebih kuat, stress yang berkurang, penyakit fizikal yang berkurang dan kesejahteraan yang lebih baik.

Walaubagaimanapun, stres yang tidak dapat dikawal akan mengakibatkan menyakit mental, antaranya ialah depresi dan anxiety (Huijie Lin, J. J., Quan Guo, Yuanyuan Xue, Qi Li, Jie Huang, Lianhong Cai, Ling Feng, 2014). Depresi dan anxiety selalu dikaitkan dengan peningkatan morbiditi dan kematian. Dipresi dan anxiety dipercayai bertanggungjawab terhadap lebih daripada 30, 000 kes bunuh diri setiap tahun. Menurut The World Health Organization (WHO), depresi adalah salah satu penyakit yang paling membebankan dan sebab kedua yang menyelaraskan tahap hidup manusia. Tambahan pula, depresi juga boleh menjejaskan keadaan kesihatan kronik, seperti penyakit kardiovaskular, kanser, diabetes, dan obesiti. Ia juga diketahui mempunyai pengaruh negatif terhadap keluarga dan hubungan peribadi individu, kehidupan kerja atau sekolah, dan kebiasaan tidur dan makan (Munmun De Choudhury, 2013).

Dengan penggunaan sosial media yang lebih kerap dan masa yang semakin panjang, terdapat banyak kajian dalam skala besar dilakukan untuk mengesahkan hubungan antara masa menggunakan sosial media dan peningkatan depresi serta anxiety. Pengguna sosial media yang kerap kemungkinan menggantikan sosial media dengan interaksi sosial secara bersemuka. Begitu juga, pendedahan yang kerap terhadap gambaran yang sangat curam, tidak realistik di media sosial boleh memberi kesan kepada pengguna bahawa kehidupan orang lain lebih bahagia, lebih bermaksud, dan mungkin membuat orang lain merasai pengasingan daripada sosial kalau dibandingkan (Primack *et al.*, 2017).

Pada zaman ini, dalam telefon pintar orang ramai biasanya mempunyai dua aplikasi sosial media ke atas. Platform sosial media berbeza dari segi jenis dan fungsinya. Hal ini akan menyebabkan pengguna “multitasking”, atau membuat sesuatu dalam masa yang sama. Multi tasking dikaitkan dengan penurunan fokus, prestasi akademik yang rendah dan peningkatan tahap depresi dan anxiety. Tambahan pula, dalam platform sosial media, kesilapan komen atau salah faham kemungkinan mengakibatkan perasaan malu pada diri sendiri. Dalam sosial media, terdapat risiko yang salah tafsir atau bahasa tidak sengaja diperbesarkan dengan ketara. Dalam kes yang teruk, jenis situasi ini boleh menyebabkan seseorang itu berasa stress yang bertahap tinggi dan juga melakukan sesuatu yang membahayakan diri sendiri. Menggunakan beberapa platform meningkatkan kebarangkalian kes ini berlaku, dan meningkatkan risiko kejadian yang tidak diingini, pada akhirnya mendatangkan stres dan anxiety (Primack *et al.*, 2017).

Dalam era yang penuh dengan cabaran ini, keadaan stress mampu mengubah tindak tanduk manusia ke arah yang lebih teruk. Manusia yang berada dalam keadaan stress mudah terpesong daripada akidah yang betul. Individu yang stres membuatkan mereka menjauhkan diri daripada Allah SWT dan meninggalkan segala suruhannya. Kadang kala terdapat individu yang mempersoalkan Islam, mereka mengeluh, mengapa tuhan tidak membantunya sedangkan dia merasa dirinya baik. Hal ini akan mendatangkan kemurkaan

Allah SWT. Oleh yang demikian, perasaan stress haruslah dikawal dengan sebijaknya dan jangan lah kita berasa lemah dan putus asa sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Quran.

وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

Maksud: "Janganlah kamu bersikap lemah, dan janganlah pula kamu bersedih hati, padahal kamu orang yang paling tinggi darjatnya, jika kamu orang yang beriman"

(Surah Ali 'Imran, 3:139)

Manusia yang berasa stres seharusnya mengingati Allah, dan bukannya berpaling daripada Allah. Nescaya akan ada rahmat terhadap orang yang beriman kepada Nya. Selain itu, mengingati Allah SWT juga dapat menenangkan hati yang resah dan gelisah sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Ar-RA'd, ayat 28.

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

Maksud: "(Iaitu) orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia."

(Surah Ar-Ra'd, 13:28)

Banyakkan berzikir kepada Allah SWT di waktu hati sedang resah. Sesungguhnya Allah SWT maha mendengar lagi maha mengetahui luahan hati hambanya. Nescaya hidup kita akan lebih diberkati.

Emosi Materialisme

Menurut *Kamus Dewan* (2005), materialistik berkaitan dengan kebendaan, bersifat kebendaan dan mengutamakan kebendaan. Terdapat satu kajian yang menyiasat hubungan penggunaan sosial media dengan tahap materialisme. Menurut Kamal, orang yang materialistik atau bersifat materialisme percaya bahawa barangan dan kewangan adalah jalan pertama kepada kebahagiaan dan kemajuan sosial. Kajian ini menyatakan bahawa, bahawa seseorang yang bersifat materialistik dengan tahap yang tinggi kebiasaannya ialah pengguna sosial media yang lebih kerap. Hal ini berlaku kerana pada zaman ini, banyak iklan dipaparkan di atas sosial media. Syarikat-syarikat sosial media seperti Facebook, Instagram dan YouTube juga membuat platform khas untuk perniaga supaya menggalakkan perniagaan atas talian. Misalnya, YouTube memasukkan iklan dalam videonya, penonton terpaksa menonton iklan tersebut dahulu sebelum menonton isi seterusnya.

Teori perbandingan sosial selalu digunakan untuk mengaitkan penggunaan sosial media dan tahap materialistik. Menurut Richins, pengguna media sosial sering terlibat dalam perbandingan antara mereka dan mesej asimilasi yang terdapat pada perniagaan media sosial (Kamal *et al.*, 2013). Hal ini menyebabkan pengguna sosial media untuk membeli-belah atas talian supaya dapat meniktirafkan diri bahawa mereka adalah dalam satu tahap dengan orang lain.

Materialisme akan menambahkan lagi jurang darjat antara orang miskin dan kaya. Pengguna media sosial yang kerap kali menunjuk kemewahan hidupnya di media sosial kadang kala dapat memberi kesan sedih terhadap orang miskin yang melihatnya terutama

sekali kepada kawannya. Mesti hadir dalam hatinya persoalan tentang mengapa hidupnya tidak semewah orang lain, bila lah hendak menjadi kaya seperti orang lain. Terkadang ada yang menyalahkan ibu bapanya yang miskin. Perkara sebegini tidak sewajarnya berlaku, ingatlah bahawasanya kemewahan dan kemiskinan tiada bezanya di sisi Allah SWT. Dan ingatlah, kekayaan itu bukanlah dinilai daripada harta, sesungguhnya kekayaan itu dinilai daripada hati, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari, Rasulullah SAW bersabda (Al-Bukhari, 2001: 6446; Muslim, t.th.: 1051).

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «لَيْسَ الْغِنَى عَنْ كَثْرَةِ الْعَرَضِ،
وَلَكِنَّ الْغِنَى غِنَى النَّفْسِ»

Maksud: *Abu Hurayrah RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Bukanlah kekayaan itu kerana banyaknya harta, akan tetapi kekayaan itu adalah kaya hati (selalu merasa cukup)".*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Maka dengan ini, latih lah hati untuk merasa cukup dengan kurniaan tuhan. Banyakkan bersyukur atas apa yang diperoleh pada waktu ini, kerana sesungguhnya ramai lagi orang menerima nasib yang lebih teruk, tetapi masih ada lagi yang mampu memberikan senyuman di wajah mereka. Jika kamu merasa diri ini tidak cukup, lihatlah orang yang dibawah, nescaya kamu akan bersyukur.

RUMUSAN

Media sosial adalah sebahagian besar daripada penyumbang terhadap perubahan psikologi masyarakat. Dengan cirinya tersendiri, media sosial mampu merubah pelbagai bentuk psikologi seorang individu seperti emosi, stres dan "anxiety". Perubahan ini menghasilkan kesan yang positif mahupun negatif. Justeru, pengguna media sosial haruslah mengenal pasti kelemahan dan kekuatan diri tatkala melibatkan diri dalam alam media sosial. Hal ini kerana, hanya diri sendiri yang mengetahui batas penerimaan terhadap sesuatu perkara. Sekiranya merasa diri tidak kuat dalam melawan bisikan syaitan yang melalaikan, dinasihatkan agar mengurangkan penggunaan media social kerana syaitan sentiasa mengajak kepada keburukan (Jasmi, 2018; Awang Nor, 2003). Tetapi jika merasa diri ini kuat dalam melawan segala jenis ancaman psikologi seperti yang disebutkan, maka gunakanlah media sosial sebaik mungkin dan sebarkanlah perkara-perkara yang baik dalam media sosial agar mendapat keredhaan Allah SWT.

RUJUKAN

- Abadi, Totok Wahyu, Sukmawan, Fandrian, & Utari, Dian Asha. (2016). Media sosial dan pengembangan hubungan interpersonal remaja di Sidoarjo. *KANAL: Jurnal Ilmu Komunikasi*, 2(1), 95-106.
- Abdul Halim, Zainab Zakirah, Azmi, Dania Salsabila, & Marni, Nurazmallail. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Abu Bakar, Zainudin. (2014). *Psikologi Pendidikan Pedoman untuk Guru dan Iubapa*. Singapore: Partridge.
- Ahmad, Muhammad Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid Eds.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.

- Al-Adawi, Mustafa. (2007). *Mencapai Kebahagiaan dengan Ilmu dan Amal: Asas-asas dalam Berdakwah*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Al-Bukhari, Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Darimi, 'Abdullah. (2000). *Sunan al-Darimi* (Hussain Salim Asad Al-Darani Ed. Vol. 1-4). Al-Mamlakat al-'Arabiyah al-Sa'udiyah: Dar al-Mugni li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Al-Ghazali, Muhammad. (2005). *Ihya' 'Ulum al-Din*. (Tahqiq: Al-'Iraqi, Zayn al-Din). Beirut: Dar Ibn Hazm li Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Al-Ghazali, Muhammad. (t.th.). *Ihya' 'Ulum al-Din* (al-Hafiz al-'Iraqi Ed.). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Qasimi, Muhammad. (1995). *Maw'izat al-Mu'minin min Ihya' 'Ulum al-Din* (Ma'mun bin Mahy Al-Din Al-Jinan Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sayyid, Majdi. (1997). *Membahagiakan Sesama Muslim*. (Sila Letak): Gema Insani Press.
- Anwar, Fahmi. (2017). Perubahan dan permasalahan media sosial. *Jurnal Muara Ilmu Sosial, Humaniora, dan Seni*, 1(1).
- Awang Nor, Rahman. (2003). *Membongkar Rahsia Iblis dan Syaitan Menggoda Umat Nabi Muhammad SAW*. bandar baru seri gombak: penerbitan darul iman.
- Ayub, Muhammad Syazwan, Rozali, Amirul Azha, & Marni, Nurazmallail. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Kecanduan Penggunaan Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Ayun, Primada Qurrota. (2015). Fenomena remaja menggunakan media sosial dalam membentuk identitas. *Jurnal Channel*, 3(2), 1-16.
- Azizan, Muhamad Ariffudin, Kariya, Muhammad Azizi, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Penyebaran Budaya Transeksual Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Azman, Munirah. (2018). Kesan negatif budaya ikut trend media sosial. Retrieved from <https://www.kosmo.com.my/k2/rencana-utama/kesan-negatif-budaya-ikut-trend-media-sosial-1.714782>
- Buang, Amriah. (2005). Globalisasi Ekonomi dan Impaknya kepada Ruang Budaya Bandar Malaysia. *GEOGRAFIA Online*, 1(1), 46-55.
- Christian Maier, Sven Laumer, Andreas Eckhardt, Tim Weitzel (2012). When Social Networking Turns to Social. *ECIS*.
- DiGiuseppe, Raymond, & Tafrate, Raymond Chip. (2007). *Understanding anger disorders*: Oxford University Press.
- Farhah, Noor. (2015). Nafsu Amarah dalam Seindah Mawar Berduri.
- Faridah, C.H., & Sarina Aini, K. (2006). Pendekatan Psikologi dalam Pendidikan Akhlak Muslim Sebagai Pemangkin Pembangunan Insan dan Tamadun. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 290-306.
- Fitri, Sulidar. (2017). Dampak positif dan negatif sosial media terhadap perubahan sosial anak. *Naturalistic: Jurnal Kajian Penelitian Pendidikan dan Pembelajaran*, 1(2), 118-123.
- Frank Wilkins, Luqman Hakeem, Baturalai, Pragathesh, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Dampak Positif Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.

- Haronzah, Muhammad Fairman, Mani, Inthiran, & Wan Embong, Wan Hassan. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Facebook Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Hasbollah, Nur Syahirah, Md Rashid, Marjan, & Ihwani, Siti Suhaila. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Pelajar Universiti Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Huijie Lin, Jia Jia, Liqiang Nie, Guangyao Shen, Tat-Seng Chua. (2016). What Does Social Media Say about Your Stress? *Proceedings of the Twenty-Fifth International Joint Conference on Artificial Intelligence*, 3775-3781.
- Huijie Lin, Jia Jia, Quan Guo, Yuanyuan Xue, Qi Li, Jie Huang, Lianhong Cai, Ling Feng. (2014). User-Level Psychological Stress Detection from Social Media Using Deep Neural Network. *Proceedings of the 2014 ACM Conference on Multimedia*.
- Izzudin, Nik Muhammad, Kumaran, Pulavendran Vijaya, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Impak kepada Perkembangan Bahasa Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Jamaluddin, Al-Syeikh Muhammad. (2009). *Mutiara Ihya' Ulumuddin* (Vol. 7). Ipoh: Buku Buku.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2007). *Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018). *Perseteraan Iblis Terhadap Manusia: Al-Baqarah (2: 34-39)*. Paper presented at the Siri 10: Program Budaya al-Quran, 25hb. September 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Mohd Rashid, Nur Amirah. (2008). Kesan Negatif Globalisasi terhadap Wanita Islam dan Penyelesaiannya. In Arieff Salleh (Ed.), *Isu Wanita Dalam Perundangan Islam*. Johor Bahru, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Muhammad, Azhar, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2004). *Asas Kebahagiaan Rumahtangga Mengikut Paradigma al-Nawawi*. Paper presented at the Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004, Main Hall, University of Malaya Centre for Family Development (UMCFD) Faculty of Education, Universiti Malaya.
http://eprints.utm.my/20790/1/JasmiKA2004_AsasKebahagiaanRumahtanggaMengikutParadigmaal-Nawawi.pdf
- Jensani, Muhammad Khairul Nizam, Eswaran, Kumanan, & Mohd Noor, Sulaiman Shakib. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Pembentukan Budaya Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Johari, Muhammad Hazwan, Baharuddin, Amirul Syafiq, & Ihwani, Siti Suhaila (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Kelestarian Penggunaan Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Kamal, Sara, Chu, Shu-Chuan, & Pedram, Mahmood. (2013). Materialism, Attitudes, and Social Media Usage and Their Impact on Purchase Intention of Luxury Fashion Goods Among American and Arab Young Generations. *Journal of Interactive Advertising*, 13(1), 27-40. doi:10.1080/15252019.2013.768052
- Kamarudin, Muhamad Aiman, Mustafa Kamal, Muhamad Syakir, & Safar, Jimain (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Dakwah Menurut Islam*. Paper presented at

- the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Kamus Dewan*. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar*. (Ed.) (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keltner, Dacher, Ellsworth, Phoebe C, & Edwards, Kari. (1993). Beyond simple pessimism: effects of sadness and anger on social perception. *Journal of personality and social psychology*, 64(5), 740.
- Langgulong, Hasan. (1985). *Pendidikan dan Peradaban Islam: Suatu Analisa Sosio-Psikologi* (Vol. 3). Jakarta: . Pustaka al-Husna.
- Long, Atan. (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Azmi, Mohamad Rafiuddin, Kamalanathan, Sasikumar, & Safar, Jimain. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Generasi Muda Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Mohd Rashid, Nur Amirah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2006). *Pengaruh Globalisasi Terhadap Gaya Hidup Pelajar di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia,
- Moktar, Noor Athirah, Abdul Halim, Areen Sherryana, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Kaedah Pengajaran Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Muhammad Azrin, Muhammad Fiqri, Moorthy, Vishnukumar Krishna, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Perhubungan Sesama Manusia Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Muna, Resti Fauzul, & Astuti, Tri Puji. (2014). Hubungan antara kontrol diri dengan kecenderungan kecanduan media sosial pada remaja akhir. *Empati*, 3(4), 481-491.
- Munmun De Choudhury, Scott Counts, Eric Horvitz. (2013). Social Media as a Measurement Tool of Depression in Populations. *Proceeding WebSci '13 Proceedings of the 5th Annual ACM Web Science Conference*, Pages 47-56
- Muslim, al-Hajjaj. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Mustafah, Che Su, & Megat Ibrahim, Nan Zakiah. (2014). Persepsi dan Penggunaan Media Sosial dari Perspektif Ibu Bapa: Satu Analisis Kualitatif. *Jurnal Komunikasi (Malaysian Journal of Communication)*, 20(Special Issue), 43-74.
- Nabi, R. L., Prestin, A., & So, J. (2013). Facebook friends with (health) benefits? Exploring social network site use and perceptions of social support, stress, and well-being. *Cyberpsychol Behav Soc Netw*, 16(10), 721-727. doi:10.1089/cyber.2012.0521
- Nazir, Muhammad Izzuddin, Che Noh, Muhammad Irfan Zikri, & Basiron, Bushrah. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Wanita Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Nor Jefri, Nurul Izzaty, Shaharin, Nuraisyah Syakirin, & Jasmi, Kamarul Azmi (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Pembentukan Masyarakat Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Norazman, Hasan, Kumar, Krishanth, & Basiron, Bushrah. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Perpustakaan Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar

- Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Nordin, Nur Hidayu, Mohammad, Nur Syuhada, & Mohamad, Ahmad Marzuki. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Instagram Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Primack, Brian A., Shensa, Ariel, Escobar-Viera, César G., Barrett, Erica L., Sidani, Jaime E., Colditz, Jason B., & James, A. Everette. (2017). Use of multiple social media platforms and symptoms of depression and anxiety: A nationally-representative study among U.S. young adults. *Computers in human behavior*, 69, 1-9. doi:10.1016/j.chb.2016.11.013
- Putri, Wilga Secsio Ratsja, Nurwati, Nunung, & Budiarti, Meilanny (2016). Pengaruh media sosial terhadap perilaku remaja. *Prosiding Penelitian dan Pengabdian kepada Masyarakat*, 3(1).
- Rahmadini, Yulia, & Halim, Rizal Edy. (2018). *The Influence of Social Media Towards Emotions, Brand Relationship Quality, and Word of Mouth (WOM) on Concert's Attendees in Indonesia*. Paper presented at the MATEC Web of Conferences.
- Razali, Nurul Afiza, Hera, Noor, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Impak Negatif Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Rosli, Tasnim, Muniandy, Yogenathan, & Jasmi, Kamarul Azmi (2019, 15 Disember 2019). *Media Sosial dan Impak Tingkah Laku Menurut Islam*. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Sidek, Baba. (2003). *Globalisasi dan cabaran pendidikan. Suzalie Mohamad (pnyt.). Memahami Isu-Isu Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Suhid, Asmawati. (2005). Pemantapan Komponen Akhlak dalam Pendidikan Islam bagi Menangani Era Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 6(S), 95-104.
- Watie, Errika Dwi Setya. (2016). Komunikasi dan media sosial (communications and social media). *Jurnal The Messenger*, 3(2), 69-74.
- Yaacob, Hashim, & Othman, Abdul Jalil. (2007). Dunia Pendidikan dalam Era Globalisasi: Peranan dan Cabaran. *Masalah Pendidikan*, 30(1), 143-149.